

BAB TIGA

BAB III

KEBEbasAN AKHbar DI BEBERAPA NEGARA MEMBANGUN

Bab ini akan mengetengahkan keadaan dan perkembangan akhbar melalui penulisan-penulisan yang ada hubungan dengan kebebasan akhbar bukan sahaja di Indonesia, tetapi termasuk di beberapa negara ASEAN lainnya seperti Thailand, Singapura, Malaysia dan sebuah lagi negara membangun lainnya, iaitu India. Dipilihnya negara-negara berkenaan berdasarkan kepada pertimbangan bahawa negara-negara tersebut masih digolongkan dalam negara membangun. Adapun huraian terperinci mengenai kebebasan akhbar di semua negara itu adalah seperti berikut:

3.1 Indonesia

Indonesia adalah negara tengah membangun yang dalam pemerintahannya pada zaman Orde Baru (1966-1998) didominasi oleh kalangan militer. Kerana itu, tidak mengherankan apabila segala aktiviti masyarakat sangat ketat dikawal oleh pemerintah termasuk yang berkaitan dengan akhbar. Sebagaiman diuraikan oleh Atmakusumah (1981) bahawa fungsi akhbar sepanjang tahun 80-an masih tidak seperti yang diharapkan oleh rakyat bahkan mengalami kemunduran daripada masa sebelumnya. Hal ini disebabkan ketatnya pengawalan yang dilakukan oleh pemerintah terhadap akhbar bersamaan waktu dengan pengawalan kegiatan politik di tengah masyarakat. Fungsi akhbar sebagai alat penyebar maklumat telah

mengalami kemunduran sehingga fungsinya yang lebih kelihatan adalah sebagai alat penghibur.¹

Akhbar sebagai kekuatan moral tidak mempunyai ruang gerak yang selesa dalam menyebarkan idea dan pandangannya. Kebebasan akhbar tidak lagi berdasarkan keyakinan dan idealisme akhbar itu sendiri, melainkan bergantung kepada batasan-batasan yang diberikan oleh pemerintah dengan alasan berdasarkan kepada apa yang dianggap sebagai kepentingan keamanan dan perpaduan bangsa.

Perkembangan akhbar di Indonesia pada zaman Orde Baru tidak menguntungkan bagi pertumbuhan kebebasan berfikir dan memberi pandangan. Hal ini dapat dilihat dengan adanya penapisan yang cukup ketat yang dilakukan oleh pemerintah sehingga menimbulkan rasa takut di kalangan pengelola akhbar.² Mereka telah mengalami pelbagai macam tindakan dan juga penggantungan terhadap akhbar, baik secara perseorangan maupun secara umum, yang hanya berdasarkan pertimbangan politik pemerintah yang berkuasa tanpa adanya suatu landasan undang-undang yang diproses melalui mahkamah.

Batasan-batasan terhadap kebebasan akhbar di Indonesia pada masa Orde Baru mulai sangat ketara pada 1974. Hal ini dapat dilihat dengan adanya penggantungan beberapa akhbar³ akibat menyebarkan maklumat mengenai

¹ Atmakusumah, *Kebebasan Pers dan Arus Informasi di Indonesia*, Lembaga Studi Pembangunan, Jakarta, 1981, hal. 1.

² *Ibid*, hal. 3.

³ Akhbar-akhbar yang dileburkan ialah: *Nusantara, Kami, Suluh Berita, Indonesia Raya, Abadi, The Jakarta Times, Pedoman, Mingguan Wenang, Pemuda Indonesia, Majalah Mingguan Ekspres, Mingguan Kampus Mahasiswa Indonesia*.

demonstrasi mahasiswa di Jakarta pada 15 Januari 1974 atau lebih dikenal dengan peristiwa Malari.

Empat tahun kemudian, penggantungan selama 15 hari (antara Januari dan Februari 1978) dengan alasan yang sama seperti penggantungan sebelumnya dikenakan terhadap 7 suratkabar berpengaruh di Indonesia, iaitu *Kompas*, *Sinar Harapan*, *Merdeka*, *Pelita*, *The Indonesia Times*, *Sinar Pagi* dan *Pos Sore*.⁴ Mulai saat itu, pemerintah mengawal kegiatan akhbar secara berterusan dengan cara mengadakan pertemuan dengan para pimpinan redaksi, melalui bujukan (persuasif) atau arahan dengan cara memanggil pimpinan-pimpinan akhbar atau dihubungi melalui tefon.

Walaupun Suharto sendiri dan beberapa menteri kanannya telah menyatakan bahawa akhbar tidak perlu takut dalam menyebarkan segala bentuk penyimpangan yang dilakukan oleh pegawai negara, dan juga tidak perlu ragu dalam mengkritik yang bersifat konstruktif terhadap langkah dan dasar yang dijalankan oleh pemerintah baik di daerah maupun di tingkat pusat, namun dalam realitinya masih juga berlaku penindasan terhadap akhbar yang mengkritik pemerintah.⁵

Dalam undang-undang yang mengatur hal ehwal akhbar di Indonesia yang dirumuskan pada tahun 1966 atau lebih dikenal dengan Undang-Undang No. 11 Tahun 1966, antara lain disebutkan bahawa akhbar mempunyai hak kawalan dan kritikan yang konstruktif, terhadap akhbar nasional tidak ada penapisan,

⁴ *Op.cit*, hal. 3.

⁵ *Ibid*, hal. 15.

kebebasan akhbar sesuai dengan hak asasi warganegara dan dilindungi. Namun demikian, undang-undang ini juga yang membuat ketentuan bahawa keharusan mendapatkan izin terbit masih diperlukan sehingga adanya keputusan rasmi dari pemerintah.

Hal di atas tentunya menimbulkan perasaan takut terhadap pengelola akhbar dalam menyebar maklumat-maklumat tertentu kepada pembaca. Kritikan dan ulasan terhadap pemerintah terpaksa dibuat secara tidak langsung atau berupa sindiran. Para wartawan secara berlebihan melakukan *self-censorship*, hal ini dibuat bukan kerana kesedaran sendiri melainkan kerana adanya rasa takut terhadap tindakan yang diambil oleh pemerintah terhadap akhbar mereka.

Ariel Heryanto dan Stanley Yoseph Adi (2001) menjelaskan bahawa dalam beberapa dekad (1966-1998/zaman Orde Baru) hubungan antara pemerintah dan institusi media massa di Indonesia tidak begitu harmoni. Pemerintah mengawal perkembangan media yang merupakan bahagian daripada pembangunan bangsa Indonesia. Akhbar dijadikan sebagai kekuatan politik Orde Baru dan begitu ketat dikontrol oleh pemerintah, kecuali dalam hal-hal tertentu yang mengandungi berita yang menyokong pemerintah. Tetapi pada Era Reformasi, iaitu setelah kejatuhan Suharto dan Habibie menjadi Presiden (1998-1999), akhbar tidak ketat lagi dikawal oleh pemerintah, akhbar sudah begitu bebas dan berani mengkritik elit penguasa pemerintahan.⁶

⁶ Ariel Haryanto & Stanley Yoseph Adi, *The Industrialization of the Media in Democratizing Indonesia*, Contemporary Southeast Asia, Vol. 23, No. 2, Ogos 2001, hal. 328.

Walaupun pada zaman Orde Baru dan Era Reformasi masih memerlukan pelesenan untuk menerbitkan akhbar, tetapi ianya memiliki perbezaan yang ketara kepada syarat-syarat yang tertakluk. Kalau pada zaman Orde Baru sangat susah untuk mendapatkan lesen, tetapi ianya sudah sangat mudah didapati pada Era Reformasi. Kesan daripada keadaan yang demikian dapat dilihat bahawa pada masa Orde Baru lesen penerbitan yang diluluskan tidak melebihi 289 akhbar, sementara pada Era Reformasi lesen penerbitan telah mencapai ribuan.⁷ Hal ini membuktikan bahawa untuk mendapatkan lesen penerbitan akhbar sudah sangat mudah dan keadaan ini dapat menjadi satu alasan untuk menyatakan bahawa akhbar di Indonesia selepas kejatuhan Suharto sudah mulai merasakan kebebasan.

3.2 Thailand

Thailand adalah sebuah negara membangun dan tentunya akhbar di sana mempunyai latarbelakang tersendiri. Sebagaimana diuraikan oleh Dangtoi Sangchan (1976) dan telah pun membuat satu penyelidikan mengenai kebebasan akhbar di Thailand,⁸ yang mengetengahkan sejarah dan perkembangan serta kebebasan akhbar di negara itu mulai pertama kali lahirnya akhbar pada tahun 1886 dan penindasan-penindasan berat terhadap akhbar sehingga berhentinya penindasan itu hingga 1963.

⁷ *Ibid*, hal. 332-333.

⁸ Dangtoi Sangchan, *Freedom of the Press in Thailand*, Xerox University Microfilms, Texas, 1976.

Kawalan rasmi kerajaan terhadap akhbar di Thailand mulai tahun 1922 ketika Raja Rama VI memerintah. Ketika sistem monarki berakhir pada tahun 1932, akhbar sudah mulai sedikit bebas. Hal ini dapat dilihat dengan dipindanya undang-undang kawalan dan penapisan maklumat di negara berkenaan.

Walaubagaimanapun, dalam realitinya akhbar Thailand tidak merasakan kebebasannya juga, sebab Pya Mano, iaitu Perdana Menteri yang terpilih pada masa itu, ialah penyokong sistem feudal. Beliau sendiri memberitahu rakyat bahawa segala maklumat yang mengkritik tidak boleh disebarluaskan dalam akhbar dan semua editor-editor akhbar harus melakukan rundingan terlebih dahulu dengan parti-parti politik sebelum segala maklumat yang bersifat rahsia diterbitkan.⁹

Lak Muang adalah salah satu akhbar yang ditekan oleh kerajaan Thailand kerana menyebar maklumat yang menyangkut kekurangan-kekurangan sistem monarki. Selepas *Lak Muang*, diikuti oleh 4 akhbar lainnya yang ditekan oleh kerajaan dan terpaksa digantung kerana menyebar maklumat yang mengkritik kerajaan.¹⁰

Pada bulan Mac 1933, Perdana Menteri Pya Mano membentuk Dewan Akhbar¹¹ yang tujuannya untuk melihat berita yang boleh diterbitkan dan yang tidak boleh diterbitkan, terutama sekali untuk mengawal berita mengenai Komunis yang sangat dilarang oleh penguasa di Thailand.

⁹ *Ibid*, hal. 41.

¹⁰ *Ibid*, hal. 62.

¹¹ *Ibid*, hal. 63.

Kawalan terhadap akhbar di Thailand selepas Pya Mano secara garis besar dapat dibahagikan kepada 3 penggal, iaitu:

a. Kawalan Akbar di bawah Pemerintahan Pya Pahon (1933-1938).

Pada masa ini kerajaan masih sangat ketat mengawal akhbar kerana alasan keamanan dan keselamatan negara. Hal ini dapat dilihat dengan jelas terhadap penggantungan 3 akhbar ternama, iaitu *The Daily Mail*, *Krung Thel* dan *Liberty*. Ketiga-tiga suratkhabar ini dikatakan telah menyebar maklumat yang tidak disukai oleh kerajaan.¹²

Di samping itu, pada tahun 1934, beberapa akhbar lainnya juga mengalami hal yang sama akibat mengkritik dasar kerajaan. Akibat ketatnya penapisan dan kawalan kerajaan terhadap akhbar, maka tidak sedikit rakyat Thailand berpaling kepada akhbar asing sebagai rujukan untuk mengetahui segala maklumat mengenai keadaan sebenar negaranya.

b. Kawalan Akhbar di bawah Pemerintahan Pibul Songkram (1938-1958).

Pada tahun 1941, kerajaan telah pun bersetuju membuat undang-undang yang menekankan kawalan dan penapisan berita akhbar. Kawalan yang paling ketat di bawah pemerintahan Pibul adalah ketika Thailand bergabung dengan Jepun dalam Perang Dunia II. Pada masa itu, segala aktiviti akhbar harus dibuat laporan kepada Pibul. Akhbar harus menyebar maklumat yang membantu mempertingkatkan kepercayaan rakyat kepada pemerintahan yang sedia ada.¹³

¹² *Ibid*, hal. 63-64.

¹³ *Ibid*, hal. 67-68.

Akibat tidak menentunya keadaan politik dalam Thailand, maka banyak para wartawan dan editor yang ditahan kerana tidak mematuhi arahan kerajaan. Undang-undang yang telah dibuat oleh kerajaan tentang penapisan dan kawalan terhadap akhbar di Thailand tidak hanya bermakna kawalan dan penapisan terhadap maklumat-maklumat sahaja, tetapi kerajaan juga membuat kawalan terhadap penjualan kertas yang hanya boleh dijual kepada akhbar-akhbar yang menyokong dasar kerajaan sahaja, sementara akhbar yang mengkritik kerajaan sangat sulit untuk mendapatkan kertas dan tidak akan dijual oleh kerajaan.

c. Kawalan Terhadap Akhbar di bawah Pemerintahan Sarit Thanarat (1958-1963).

Pada penggal ini dikenal sebagai pemerintahan diktator yang melaksanakan pemerintahan tentera.¹⁴ Segala aktiviti rakyat dalam negara sangat ketat dikawal termasuk yang berkenaan dengan hal ehwal akhbar. Puluhan suratkhabar telah dilarang terbit dengan alasan mengkritik dasar dan polisi pemerintahan yang dijalankan oleh Sarit. Kerajaan juga membuat undang-undang akhbar baru yang membolehkan polis melarang penerbitan berita yang dianggap bertentangan dengan kerajaan termasuk berita mengenai negara-negara luar.

Pemerintahan Sarit telah menimbulkan rasa takut yang luar biasa di kalangan rakyat. Akhbar sangat kuat ditekan termasuk penahanan wartawan dan editor yang mengkritik pemerintah.¹⁵ Di samping beberapa suratkhabar yang digantung, ada juga beberapa buku dan artikel yang tidak diperbolehkan untuk

¹⁴ *Ibid*, hal. 72.

¹⁵ *Ibid*, hal. 75.

dijual, diimport, diterbitkan bahkan membacanya pun dilarang.¹⁶ Kebebasan akhbar di Thailand hanya sebatas teori sahaja tanpa ada praktiknya. Kebebasan menyampaikan pandangan atau idea termasuk mengenai masalah hak-hak asasi manusia sangat jarang didapati dalam akhbar walaupun akhbar sendiri sentiasa bekerja keras untuk membaiki kualiti sejak ianya lahir sebagai usaha untuk menjadikan kekuatan penting dalam pendidikan dan pembangunan nasional Thailand. Bahkan kebebasan akhbar di Thailand sentiasa menurun terutama di bawah pemerintahan tentera daripada tahun 1938 hingga 1963.

Duncan McCargo (2000) menghuraikankan bahawa dalam tahun 1920-an banyak akhbar yang membuat kritikan terhadap kerajaan. Hal ini menjadi petanda adanya penurunan populariti terhadap sistem monarki dan mula berkembangnya pasaran akhbar yang dihasilkan oleh golongan terdidik. Dengan berakhirnya monarki mutlak pada tahun 1932 keadaan akhbar yang begitu kritis masih juga berlangsung. Tetapi, akhbar mengalami tekanan-tekanan pada pemerintahan di bawah pimpinan Perdana Menteri Sarit Thanarat (1959-1963).¹⁷ Pada masa ini semua akhbar diwajibkan memiliki lesen dari kerajaan. Lesen-lesen yang telah diberikan boleh ditarik balik pada bila-bila masa apabila didapati akhbar berita-berita tertentu seperti: berita yang menyokong komunis, berita yang menentang

¹⁶ Adapun bahan bacaan yang dilarang itu adalah: *China pictorial, Chinese Literature, Chou En Lai report on the Question of Intellectuals, Reconnaissance Across the Yang Te Story, First Five Years Plan for Development of the National Economy of the People's Republic of China I 1953-1967 Illustrated, China Workers, Communist China 1956, The Devil's Discus, Thailand: The War That Is, The War That Will Bee, Quotations from Chairman Mao Tse Tong, Mao tse Tung, Red China Today, Source Book on Buddhism, in Mainland China 1949, Kim Il Sung the Democratic People's Republic of Korea is the Banner of Freedom and Independence for Our People and the Powerful Waepon of Buliding Socialism and Communism, Kim Il Sung, Report on Work of Central Committee to 5th Congress Party of Korea.*

¹⁷ Duncan McCargo, *Politics and the Press in Thailand*, Routledge, London & New York, 2000, hal. 8.

raja, berita yang tidak menyenangkan dan berita yang menyudutkan pemerintah.¹⁸ Akibat keadaan yang demikian, maka pelesenan merupakan hal yang sangat penting dan bernilai sehingga akhbar sentiasa mengelak daripada bercanggah pendapat dengan pemerintah.

Sebaliknya, selama rejim Thanon (1963-1973) tekanan terhadap akhbar agak berkurangan. Hal ini dapat dilihat dalam penyebaran berita akhbar yang sentiasa dimuat berita sensasi dan seks serta isu-isu berkenaan dengan politik.¹⁹ Pada masa ini akhbar bukan berfungsi sebagai pembimbing masyarakat. Akibatnya, mahasiswa dan masyarakat melakukan gerakan yang menentang pemerintah sehingga terjadi kekecohan tentera. Sementara itu, pada masa pemerintahan sementara di bawah pimpinan Sanya Thammasak, pelbagai kemudahan diberikan untuk mendapatkan lesen. Pada tahun 1974 sahaja, 174 lesen baru akhbar telah pun diluluskan.²⁰

Adapun Majlis Akhbar (Press Council) telah pun dibentuk pada tahun 1975. Ianya bertujuan untuk mengurus hal ehwal pelesenan. Ringkasnya, pada tahun 1992 Suchinda Kraprayoon yang mendapat sokongan tentera telah berundur sebagai Perdana Menteri akibat daripada bantahan rakyat. Bantahan ini telah dimuat berita dalam pelbagai akhbar di Thailand. Di bawah kepimpinan beliau, semua berita akhbar mesti ditapis dulu sebelum diterbitkan. Akhbar Thailand telah menyumbang begitu banyak terhadap keharmonisan dan keterbukaan masyarakat di sana. Secara umum dapat dikatakan bahawa akhbar di Thailand

¹⁸ *Ibid.*

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ *Ibid.*, hal. 9.

tidak terkekang, bersemangat dan sentiasa berusaha, tidak begitu profesional dan tidak begitu terpercaya.²¹

3.3 Singapura

Ada beberapa undang-undang²² yang mengatur hal ehwal akhbar di Singapura, antara lain adalah seperti berikut:

- i. Peraturan Media Cetak
- ii. Peraturan Kawalan terhadap Penerbitan dan Penjagaan Maklumat, 1967.
- iii. Akta Penerbitan Terlarang, 1967.
- iv. Akta Keselamatan dalam Negara.

Pemerintah Singapura menghendaki supaya akhbar menjadi penyokong polisi negara. Kerana itu, pemerintah tidak mengizinkan sebarang akhbar yang mendapat peruntukan dari luar negara kerana dikhuatiri akan mengutamakan kepentingan orang luar dan mengesampingkan kepentingan perpaduan rakyat Singapura. *The Singapore Herald* telah pun digantung pelesenannya pada tahun 1971 kerana menerima bantuan dari luar negara. Sebelumnya, akhbar *Utusan Melayu* juga telah digantung lesennya kerana sentiasa menyebarkan berita mengenai peranan parti Melayu yang dominan di Malaysia. Hal serupa juga dialami oleh

²¹ *Ibid*, hal. 176.

²² Lihat Saravanan Gopinathan, dalam Chaleo Manilerd, *Print Media in ASEAN: ASEAN Studies Publication Series (Phase I-c)*, ASEAN Committee on Culture and Information, Thailand, 1998, hal. 177.

akhbar berbahasa Cina, *Nanyang Siang Pau*. Editornya telah pun ditahan kerana menyebar berita secara berlebihan mengenai patriotik orang Cina.²³

Setiap negara memang mengamalkan sistem politik yang berbeza antara satu dengan yang lainnya, demikian juga sistem media di negara-negara berkenaan. Singapura adalah negara yang tergolong baik dalam hal ehwal ekonomi dan hak-hak politik yang bebas, namun akhbar di negara tersebut digolongkan tidak bebas bahkan setingkat dengan Kemboja dan Vietnam. Ini merupakan hasil kajian yang dibuat oleh The Freedom House pada tahun 1997.²⁴ Walaubagaimanapun, hasil kajian ini memuji Singapura kerana tidak melakukan tekanan terhadap aktiviti akhbar, seperti penahanan, pengusiran, penyiksaan dan pembunuhan wartawan.²⁵ Keharmonian perkauman yang terdiri daripada etnik Cina (77%), Melayu (15%), India (6%) dan lain-lain (2%)²⁶ merupakan agenda utama pemerintah Singapura setelah berlaku rusuhan kaum pada 1950-an dan 1960-an. Pemerintah tidak menginginkan hal seumpama ini berlaku lagi pada bila-bila masa.

Lee Kwan Yew adalah bekas Perdana Menteri dan sekarang beliau sebagai Menteri Kanan di Singapura. Di bawah kepimpinannya Singapura telah mencapai banyak kemajuan terutama dalam bidang ekonomi. Walaupun beliau mengagumi pencapaian ekonomi dan ilmu pengetahuan di negara-negara Barat, namun beliau tidak bersetuju dengan prinsip Demokrasi Liberal yang diazaskan oleh Barat

²³ *Ibid.*

²⁴ Lihat Tan Lai, Hao Xiaoming & Chen Yanru, *The Singapore Press as a Mediator between the Government and the Public*, Media Asia, Vol. 25 No. 4, 1998, hal. 205.

²⁵ *Ibid.* hal. 206.

²⁶ *Op. cit.*

dipraktikkan di Singapura. Menurutnya, apabila sistem demokrasi Liberal dipraktikkan di Singapura akan mudah menimbulkan sentimen perkauman di negara itu.²⁷ Kerana itu, segala idea untuk menjadikan akhbar sebagai pengawas pemerintah atau *The Fourth Estate* adalah tidak tepat.

Walaubagimanapun, Lee Kwan Yew tidak menafikan untuk dipraktikkannya konsep Barat tersebut dalam masyarakat Barat itu sendiri, dan ianya belum tentu sesuai dipraktikkan di negara-negara lain. Media di negara-negara lain memainkan peranannya sendiri yang dipengaruhi oleh pengalaman sejarah, sistem politik dan tabiat bangsa itu sendiri. Beliau menambahkan bahawa media yang berlebihan tidak menjamin perpaduan dan bahkan ianya akan menimbulkan perbezaan, kebingungan dan perselitian.²⁸

3.4 Malaysia

Akhbar di Malaysia tentunya mempunyai aturan tersendiri dalam menyebar maklumat kepada pembaca. Akhbar mesti memainkan peranannya sesuai dengan aturan-aturan rasmi yang dikeluarkan oleh kerajaan. Shad Saleem Faruqi dan Sankaran Ramanathan (1998) menerangkan bahawa latarbelakang sejarah, keadaan politik dan sosial di Malaysia adalah berbeza dengan sistem Demokrasi Liberal sebagaimana dipraktikkan di Inggris dan Amerika.²⁹ Akhbar dan majalah diatur dalam Akta Penerbitan dan Percetakan 1984. dalam akta ini

²⁷ *Ibid.*

²⁸ Vijay Menon, *Looking Back and Looking Ahead: The Press in ASEAN*, Media Asia, Vol. 26 No. 1, 1999, hal. 101.

²⁹ Shad Saleem Faruqi & Sankaran Ramanathan, *Mass Media Laws and Regulations in Malaysia*, AMIC, Singapore, 1998, hal. 2.

dinyatakan bahawa pelesenan adalah diperlukan terhadap sebarang penerbitan akhbar. Kerajaan mempunyai kuasa untuk meluluskan, menolak atau menarik balik sebarang pelesenan. Batasan kebebasan berucap di Malaysia tidak terlepas daripada hal-hal seperti berikut:

- a. Keamanan terhadap negara dan pemerintahan.
- b. Hubungan baik dan mesra dengan negara-negara lain.
- c. Keinginan orang ramai.
- d. Bermoral.
- e. Melindungi hak-hak istimewa parlemen.
- f. Tidak melanggar tata tertib mahkamah.
- g. Tidak ada unsur fitnah.
- h. Tidak bersifat menghasut.
- i. Hak-hak warganegara.
- j. Menjaga status bahasa Melayu.
- k. Hak-hak istimewa terhadap kaum Melayu penduduk pribumi di Sabah dan Sarawak.
- l. Tidak menggugat hak-hak istimewa Raja Melayu dan Ketua Penguasa Negeri Sembilan.
- m. Tindakan rasmi boleh digunakan untuk mencegah kegiatan bawah tanah dengan mengenakan Akta Keselamatan Dalam Negeri.
- n. Tindakan segera diperlukan dengan alasan negara dalam kedaan huru hara.

Mohd. Safar Hasim (1996) menjelaskan bahawa sistem akhbar di Malaysia sentiasa berubah mengikut keadaan, masa dan perubahan dalam masyarakat.³⁰ Sebelum Malaysia merdeka, pada tahun 1920 kerajaan telah memperkenalkan undang-undang membuat lesen terhadap mesin cetak di negeri-negeri Selat.³¹ Sementara kepada negeri-negeri Melayu bersekutu diperkenalkan undang-undang itu pada tahun 1924.³² Walaubagaimanapun, wujudnya kebebasan akhbar di bawah pemerintahan British antara tahun 1835-1914.³³

Walaupun Malaysia telah pun merdeka, namun undang-undang peninggalan British³⁴ terhadap ketenteraman awam termasuk di dalamnya mengenai kebebasan dan kawalan akhbar masih digunakan. Dalam usaha membangunkan negara, kestabilan sangat diperlukan supaya tidak terganggu oleh usaha-usaha yang boleh menjadkan pembangunan. Kerana itu, kawalan terhadap kebebasan akhbar sangat diperlukan. Kebesaran akhbar yang wujud di Malaysia pada tahun 1987-1990 adalah kebebasan yang berada dalam lingkungan undang-undang.³⁵ Hal ini untuk mencegah supaya tidak tersebar berita yang boleh menggugat kestabilan negara.

³⁰ Mohd. Safar Hasim, *Akhbar dan Kuasa: Perkembangan Sistem Akhbar di Malaysia Sejak 1806*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1996, hal. 371.

³¹ *Ibid.*

³² *Ibid.*

³³ *Ibid.*

³⁴ *Ibid.* hal. 372.

³⁵ *Ibid.* hal. 370.

Anil Netto (2002) dalam kertas persidangannya mengetengahkan hubungan antara media dan kerajaan dalam dekad ini.³⁶ Beliau menjelaskan bahawa kebebasan media di Malaysia dikawal dalam 3 cara:

- a. Melalui undang-undang yang ketat.
- b. Melalui kepemilikan media oleh parti-parti politik dan ianya dihubungkan dengan kepentingan individu.
- c. Melalui penapisan yang dibuat oleh editor dan wartawan sendiri.

Hal ini dapat dilihat dengan adanya Akta Percetakan dan Penerbitan Akhbar yang menginginkan semua penerbit-penerbit untuk memohon pelesenan baru pada setiap tahun. Setiap syarikat percetakan juga diharuskan memohon pelesenan baru setiap tahun. Di samping itu, Akta Keselamatan dalam Negara, Akta Hasutan dan Akta Rahsia Rasmi juga terpengaruh terhadap kebebasan media. Para wartawan sangat berhati-hati dalam menulis sebarang berita.

Kebebasan akhbar di Malaysia sentiasa ada dan ianya tidak boleh disamakan dengan kebebasan negara-negara Barat, kerana ideologi kebangsaan Malaysia dikenal dengan nama *Rukunegara*. Ianya menekankan perpaduan bangsa, demokrasi, keadilan sosial, pemikiran yang progresif dan budaya tradisional. Sebagaimana dikatakan oleh Perdana Menteri Malaysia, Mahathir Mohamad bahawa kebebasan harus selaras dengan keinginan masyarakat. Kerana itu, pemimpin yang telah dipilih oleh rakyat berkewajipan menjaga keseimbangan antara kebebasan dan keinginan rakyat. Akhbar boleh melakukan kritikan, tetapi ianya tidak berlebihan dan tidak berburuk sangka. Di samping itu, sebarang

³⁶ Anil Netto, *Media Freedom in Malaysia: The Challenge Facing Civil Society*, Media Asia, Vol. 29 No. 1, 2002, hal. 17-18.

kritikan mesti dapat dipertanggungjawabkan. Akhbar yang tidak bertanggungjawab adalah akhbar yang menolak hak-hak rakyat dalam masyarakat demokrasi.³⁷

Syed Arabi Idid (1998) menjelaskan bahawa akhbar di Malaysia mempunyai sejarah tersendiri seperti halnya di negara-negara lain. Perkembangan ekonomi, tingginya usaha menghapuskan buta huruf dan polisi kerajaan yang agak liberal terhadap akhbar adalah faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan akhbar di Malaysia.³⁸ Kebebasan akhbar di Malaysia tetap wujud walaupun ianya tidak mutlak. Hal ini ditandai dengan adanya undang-undang hasutan, pelesenan dan kerahsiaan. Peranan utama akhbar adalah untuk pembangunan kebangsaan, baik melalui perpaduan kaum, pemahaman atau integriti wilayah. Fenomena ini menggambarkan bahawa kebebasan akhbar di Malaysia mengamalkan sistem Tanggungjawab Sosial.³⁹

3.5 India

Kebebasan akhbar merupakan bahagian yang sangat penting dalam kehidupan demokrasi, kerana ianya memberikan kesempatan kepada khalayak ramai untuk berfikir dan berdiskusi mengenai maklumat-maklumat yang didapati secara terbuka. Sebagaimana diuraikan oleh B. R. Sharma⁴⁰ bahawa di India,

³⁷ Vijay Menon, *op.cit.*

³⁸ Syed Arabi Idid, dalam Chaleo Manilerd, *Print Media in ASEAN: ASEAN Studies Publication Series (Phase I-c)*, ASEAN Committee on Culture and Information, Thailand, 1998, hal. 134-135.

³⁹ *Ibid*, hal. 135.

⁴⁰ B. R. Sharma, *Freedom of the Press Under the Indian Constitution*, Deep & Deep Publications, New Delhi, 1984, hal. 2.

hak-hak terhadap kebebasan akhbar tidak hanya dinyatakan dan diatur dalam undang-undang, tetapi ianya juga bergantung kepada keputusan mesyuarat wakil-wakil rakyat.

Latar belakang perjuangan kebebasan di India sangat berkesan, sebab pada masa penjajahan Inggris tidak ada sebuah aturan pun mahupun undang-undang yang menjamin hal ehwal kebebasan individu. Pemimpin-pemimpin India berusaha begitu gigih sehingga Dewan Perundangan India pada 22 Januari 1947, membuat sebuah rang undang-undang yang dikenali dengan Resolusi Objektif, yang bertujuan untuk menjamin kebebasan berfikir dan berucap termasuk di dalamnya kebebasan akhbar. Kebebasan berucap meliputi gagasan pemikiran, perasaan mahupun keyakinan termasuk juga tulisan, percetakan, gambar atau segala sesuatu yang lainnya termasuk memberikan gagasan melauli akhbar. Dengan lain perkataan, kebebasan akhbar meliputi kebebasan untuk membuat penerbitan, kebebasan untuk membuat penyaluran dan kebebasan untuk menyebarkan segala sumber-sumber maklumat.⁴¹

Kerana itu, kebebasan akhbar sangat penting, sebagaimana dihuraikan oleh Pandit Nehru bahawa beliau lebih menyukai kebebasan akhbar yang ada kemungkinan penuh dengan pelbagai bahaya dan disalahgunakan daripada akhbar yang sentiasa diatur dan ditindas.⁴² Pandangan yang hampir sama juga dihuraikan oleh Mantan Ketua Hakim India, P. B. Gajendragadkar. Pada pandangan beliau bahawa kebebasan akhbar adalah sebuah kepentingan yang harus ada pertimbangan dalam masyarakat yang mengamalkan demokrasi, sebab ianya

⁴¹ *Ibid*, hal. 3-5.

⁴² *Ibid*, hal. 7.

memberikan pandangan menyeluruh kepada individu-individu terhadap perkembangan semasa dan juga memberikan kesempatan untuk mengungkapkan pandangan mereka terhadap segala hal ehwal kepentingan khalayak ramai.⁴³

Walaupun kebebasan berucap dan memberikan gagasan-gagasan dijamin oleh undang-undang, tetapi ianya tiada bebas secara mutlak dan harus ada dalam panduan-panduan seperti berikut:

a. Menjaga Kedaulatan dan Perpaduan India

Kerajaan mempunyai kuasa untuk membatasi dan mengawal individu-individu, organisasi-organisasi yang ingin merusak perpaduan dan kedaulatan negara.⁴⁴ Segala bentuk penerbitan termasuk akhbar yang menjurus kepada mengancam kedaulatan India akan dikenakan hukuman di bawah Akta Rahsia Rasmi, 1957.

b. Menjaga Keamanan Negara

Peraturan yang mengatur hal ehwal akhbar yang berkenaan dengan keamanan negara India diatur dalam Akta Akhbar, 1951. Ada dua aspek yang dipertimbangkan menyangkut dengan keamanan negara, iaitu aspek dalaman dan luar. Aspek dalaman menyangkut kuasa kerajaan untuk membatasi maklumat-maklumat yang dapat menimbulkan pergaduhan dan tergolong anarki. Sementara aspek luar bermakna kerajaan mempunyai kuasa dalam hal membatasi kebebasan akhbar yang dapat menimbulkan agresi atau serangan negara luar terhadap India.⁴⁵

⁴³ *Ibid.*

⁴⁴ *Ibid.*, hal. 74.

⁴⁵ *Ibid.*, hal. 74-77.

c. Menjalin Hubungan Baik dengan Negara-Negara Luar.

Negara luar yang dimaksudkan di sini ialah mana-mana pemerintah atau kerajaan selain daripada India. Akhbar India tidak boleh menyebar berita-berita secara berterusan yang dapat memalukan sesebuah negara luar sedang ianya mempunyai hubungan baik dengan kerajaan India. Hal ini perlu dilakukan untuk mencegah terjadinya perbalahan atau selisih faham antara India dan negara luar.⁴⁶

d. Memenuhi Kehendak Khalayak Ramai.

Kehendak khalayak ramai di sini dimaksudkan sebagai segala maklumat yang tidak mengganggu ketenteraman awam. Kerajaan akan membatasi berita-berita yang dapat menimbulkan perbalahan, pergaduhan dan ketakutan terhadap rakyat. Hal ehwal yang berkenaan dengan ini semua diatur dalam Akta Keamanan dan Keselamatan Awam di negeri-negeri seuruh India.⁴⁷

e. Tidak Melanggar Aturan Mahkamah.

Pengertiannya di sini ialah menjaga kebebasan dan kredibiliti mahkamah berdasarkan prinsip keadilan. Dalam hubungannya dengan kebebasan berucap termasuk juga di dalamnya kebebasan akhbar, ada 3 jenis pelanggaran terhadap mahkamah:

- i. Meremehkan aturan-aturan mahkamah yang sedia ada.
- ii. Menyalahkan golongan-golongan yang mematuhi arahan mahkamah.
- iii. Berprasangka buruk atau menganggap bersalah terhadap orang-orang yang masih dalam proses mahkamah.

⁴⁶ *Ibid*, hal. 77-78.

⁴⁷ *Ibid*, hal. 79.

Apabila semua hal yang berkenaan dilakukan oleh wartawan atau editor dengan cara menyebarkan berita dalam akhbar, maka kerajaan berhak melarangnya.⁴⁸ Semua hal ehwal ini diatur dalam Akta Pelanggaran Mahkamah, 1952.

f. Terhormat dan Bermoral.

Dalam hubungannya dengan kebebasan akhbar, terhormat di sini dimaksudkan segala maklumat yang disebarluaskan dalam akhbar adalah layak atau dengan kata lain tidak menjijikkan apabila membacanya, baik berkenaan dengan individu, organisasi maupun kerajaan. Moral yang dimaksudkan di sini ialah segala maklumat yang memenuhi tanda-tanda tingkah laku sebagai manusia.

Kebebasan akhbar di India bukan kebebasan mutlak seperti yang diamalkan di negara-negara Barat, tetapi ianya ada batasan-batasan yang sentiasa dikawal oleh kerajaan lebih-lebih lagi apabila negara berada dalam keadaan huru-hara. Majlis Akhbar adalah sebuah badan bebas di India yang ditubuhkan pada tahun 1966. Tujuan ditubuhkan badan ini ialah untuk menjaga supaya akhbar tetap melakukan sesuatu sesuai dengan aturan dan fungsinya.⁴⁹

Di samping itu, Majlis Akhbar juga berkewajipan menyelesaikan segala masalah yang berlaku terutama apabila adanya perselisihan antara akhbar dan kerajaan. Tetapi dalam realitinya, Majlis ini juga tidak dapat berperan dan berfungsi sebagaimana yang diharapkan.⁵⁰ Akhbar di India hampir sama dengan akhbar di negara-negara membangun lainnya dalam hal kebebasan. Walaupun

⁴⁸ *Ibid*, hal. 83-86.

⁴⁹ *Ibid*, hal. 82-83.

⁵⁰ *Ibid*.

rakyat India meletakkan harapan yang tinggi terhadap adanya kebebasan akhbar di negaranya, tetapi dalam realitinya kebebasan akhbar di India tidak melebihi kebebasan sebagaimana dirasakan oleh rakyat sendiri, iaitu sentiasa mendapat penindasan.

Arun Mehta (1998) menyatakan bahawa peraturan media di India telah dihadapkan pada satu dilema di mana satu segi pemerintah menginginkan adanya demokrasi dan kebebasan berucap. Tetapi, pada segi lainnya pemerintah berasa takut terhadap integriti India apabila kebebasan tersebut dijalankan sepenuhnya. Undang-undang perlombagaan India membenarkan pemerintah menggunakan kuasa otoriter apabila berlaku keadaan huru-hara dalam negara termasuk menyekat kebebasan bersuara seperti yang berlaku pada tahun 1975 hingga 1977. Pada masa ini dikenal dengan pemerintahan diktator.⁵¹

Syarikat-syarikat percetakan harus mendaftar di bawah Akta Akhbar dan Pendaftaran Buku tahun 1987. Akta ini juga memberikan maklumat mengenai kepemilikan dan kawalan akhbar. Dalam kedaan normal dapat dikatakan bahawa akhbar di India sentiasa bebas, kecuali pada tahun 1975-1977 di mana negara telah diisyiharkan darurat.

Walaubagaimanapun, pada tahun 1985 parlimen telah meluluskan satu rang undang-undang yang dikenal sebagai Akta Pencegah Fitnah.⁵² Dalam akta tersebut dijelaskan bahawa siapa sahaja secara sengaja menyebarkan berita baik lisan mahupun tulisan yang boleh merusak nama baik orang lain akan dikenakan

⁵¹ Arun Mehta, *Media Regulation in India*, *Media Asia*, Vol. 25 No. 2, 1998, hal. 65.
⁵² *Ibid.*

hukuman penjara. Walaubagaimanapun, akta tersebut hanya bertahan satu bulan sahaja akibat bantahan yang tiada hentinya dari pihak akhbar.

3.6 Kesimpulan

Kebebasan akhbar di Indonesia, Malaysia, Singapura, Thailand dan India tidak boleh disamakan dengan kebebasan akhbar di negara-negara Barat. Negara Membangun berpandangan bahawa kelangsungan hidup rakyat dan keselamatan serta kedaulatan negara adalah lebih utama dibandingkan dengan pelbagai kebebasan yang boleh menjasarkan kestabilan politik. Walaupun dari segi undang-undang kebebasan akhbar di Indonesia dan beberapa Negara Membangun lainnya seperti Malaysia, Singapura, Thailand dan India mempunyai banyak persamaan, seperti adanya pelesenan, penapisan dan kawalan, namun pada praktiknya mempunyai banyak perbezaan. Hal ini disebabkan kerana Indonesia dipimpin oleh tentera yang sentiasa menyekat kebebasan bersuara pada masa Orde Baru, sama halnya dengan Thailand yang juga dikenali dengan pelaksanakan pemerintahan tentera pada suatu ketika, iaitu tahun 1958 hingga 1963. Praktik kebebasan akhbar di Indonesia pada masa itu banyak mempunyai persamaan dengan model Autoriter. Sebaliknya, pada Era Reformasi, undang-undang hal ehwal akhbar di Indonesia juga hampir sama dengan negara-negara membangun lainnya sebagaimana disebutkan di atas, namun pada praktiknya banyak mempunyai persamaan dengan sistem Libertarian. Hal ini disebabkan oleh mula wujudnya kebebasan bersuara di kalangan rakyat, kerana pemerintahan tentera telah pun berakhir.